

Peruntukan RM300,000 baiki lif, tangki air rosak

BANDAR BARU BANGI 4 Okt.—Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperuntukkan sejumlah RM300,000 menerusi Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi membantu penduduk dalam membaik pulih lif dan tangki air yang rosak di Apartmen Vista Putra di sini.

Pegawai Tugas-Tugas Khas

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Johan Abd. Aziz berkata, bantuan itu disalurkan terus kepada Perbadanan Pengurusan perumahan berkenaan untuk memulakan kerja-kerja baik pulih terutamanya lif dalam masa terdekat.

“Saya baru sahaja mendapat aduan daripada penduduk dan perbadanan pengurusan perumahan ini yang memohon bantuan untuk penyelenggaraan tersebut dan apabila saya datang lihat sendiri, pada saya, ia patut dibantu.

“Oleh itu, dengan peruntu-

kan yang ada, kami cuba untuk membantu meringankan beban pihak pengurusan yang terpaksa menanggung semua kos berkenaan,” katanya di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Perbadanan Pengurusan perumahan itu, Mohamad Rozman Besiri.

Dalam pada itu, Johan berkata, kos penyelenggaraan lif diperuntukkan sebanyak RM100,000 manakala tangki air pula sebanyak RM200,000.

“Saya akan mempercepatkan urusan pembukaan tender dalam lantikan kontraktor.

“Kita jangkakan projek baik pulih ini akan dimulakan dalam tahun ini juga dan tempohnya mungkin tidak lama antara dua hingga tiga bulan berdasarkan kepada persetujuan kontraktor,” ujarnya.



JOHAN ABD. AZIZ (kanan) bersama Mohamad Rozman Besiri meninjau keadaan lif rosak di Apartmen Vista Putra, Bandar Seri Putra Kajang, Selangor, semalam.



APARTMEN Vista Putra, Bandar Seri Putra Kajang, Selangor nampak indah di luar, namun penghuninya berdepan pelbagai masalah termasuk lif dan tangki air rosak. - UTUSAN/ FAUZI BAHARUDIN